**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Telefon : 06-2895000
Faks : 06-2345201 (AM)
Faks : 06-2345202 (WTD)

Ruj Kami. : ANM(G)MEL/51 Jld.46(31)

Tarikh : 8 Disember 2011

Pegawai Pengawal
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Pusat Pembayar yang Diberi Khidmat Oleh JANM Melaka

Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PELARASAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI KALI KEDUA TAHUN 2011**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pelarasan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Kali Kedua Tahun 2011 yang tidak dapat dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya pada 29 Februari 2012 (Rabu).**

3. Sehubungan dengan itu, kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Pembayar adalah dikehendaki menghantar Borang Perubahan Gaji (SG20) ke jabatan ini mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

4. Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan, di dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
*"Inovasi Ke Arah Perakunan Akruan"*

Saya yang menurut perintah,

**(LOKMAN BIN LATIP)**
Penolong Pengarah Kanan (O)
b.p.Pengarah,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
**Negeri Melaka**

JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

Rujukan Kami: JPM.SKPP.KEW.100-1/4/1(41)
Tarikh: 12 Oktober 2011

Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka
Semua Ketua Sektor Jabatan Pelajaran Melaka
Semua Ketua Unit Jabatan Pelajaran Melaka
Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Semua Pengetua Sekolah PTJ

**SURAT ARAHAN KEWANGAN BIL.2 TAHUN 2011**
**TATACARA PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN**
**DI JABATAN PELAJARAN NEGERI MELAKA**

## 1. TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk menetapkan tarikh akhir kewangan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak bagi memastikan prestasi pengurusan kewangan Jabatan tidak terjejas.

## 2. TARIKH AKHIR KEWANGAN

2.1 Berikut adalah tarikh-tarikh akhir kewangan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat:

| BIL. | PERKARA | TARIKH AKHIR KEWANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan Pakej ke Unit Kewangan | 3 November 2011 (Khamis) |
| 2. | Nota Minta Manual (Permohonan Pesanan Kerajaan) | 28 November 2011 (Isnin) |
| 3. | Tarikh Akhir mengadakan Program/Kursus dan Serahan Barang oleh Pembekal | 5 Disember 2011 (Isnin) |
| 4. | Penyerahan Pesanan Kerajaan untuk Pembayaran | 15 Disember 2011 (Khamis) |
| 5. | Tuntutan Perjalanan Bulan Disember 2011 | 20 Disember 2011 (Selasa) |
| 6. | Tuntutan melalui Panjar Wang Runcit | 30 Disember 2011 (Jumaat) |
| 7. | Tuntutan Elaun Lebih Masa | 2 Januari 2012 (Isnin) |